

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AKU403 - Perakaunan Kos

Tarikh: 5 April 1987 Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

JAWAB SEMUA SOALAN. JAWAPAN BAGI TIAP-TIAP SOALAN
HENDAKLAH DIMULAKAN DI MUKA SURAT YANG BARU.

Soalan 1

Syarikat Intan memasang set televisyen jenama per-
sendirian untuk sebuah pedagang runcit di bawah
satu kontrak yang memerlukan 100 set sehari bagi
setiap 250 hari perniagaan setahun. Setiap set
memerlukan satu tiub gambar, yang mana Syarikat
Intan membelinya dari luar dengan harga \$20 satu.
Tiub-tiub itu dipunggahkan ke dalam lori dipintu
kilang pembekal dan dihantarkan melalui sebuah
sistem pengangkutan lori dengan caj \$100 setiap
perjalanan, tanpa mengambil kira saiz bekalan. Kos
menyimpan tiub-tiub (termasuk kadar pulangan pelaburan
yang dikehendaki) ialah \$2 setiub setahun. Oleh
kerana pengeluaran adalah stabil sepanjang tahun,
purata inventori (stok) adalah setengah daripada saiz
muatan lori.

Dikehendaki:

- (1) Dengan menggunakan kaedah Jadual (Tabular Method)
menentukan kos tahunan yang munasabah bagi saiz
muatan lori 5, 10, 15, 25, 50 dan 250 perjalanan
setahun.

...2/-

(2) Menunjukkan jawapan anda dalam bentuk geraf.

(19 markah)

Soalan 2

Semasa anda mengaudit akaun-akaun di Syarikat Pengeluaran Maypack, pembantu anda telah memberitahu anda bahawa ada kesilapan di dalam pengiraan gaji pekerja-pekerja kilang dan ia mahu anda mengesahkan kenyataannya itu. Pembantu anda telah mengambil dari kontrak union penerangan yang berikut mengenai pengiraan gaji di beberapa jabatan di dalam syarikat itu.

Di antara isi kandungannya menyatakan bahawa gaji minima bagi setiap pekerja ialah kadar asasnya dan dia juga dibayar bagi sebarang "masa menunggu" seperti menunggu pembaikan mesin dan perkara-perkara lain yang berlaku bukan kerana salahnya. Jam bekerja seminggu ialah 40 jam. Pekerja juga dibayar pada 150% dari kadar asas bagi pengeluaran lebih masa.

Kaedah pembayaran gaji yang digunakan:

1. Kerja kepingan lurus (Straight Piece Work).

Pekerja dibayar pada kadar \$2.00 untuk setiap keping yang dikeluarkan.

2. Rancangan peratus bonus.

Bilangan pengeluaran standard sejam telah diberikan oleh jabatan kejuruteraan. Pengeluaran purata sejam setiap pekerja ditentukan dari jumlah jam bekerja dan pengeluarannya, di bahagikan dengan bilangan pengeluaran standard untuk menentukan nisbah keberkesanannya. Nisbah keberkesanannya kemudian digunakan bersamaan dengan kadar asasnya untuk menentukan pendapatannya untuk jangkamasa itu.

Jika bilangan disiapkan adalah kurang dari bilangan standard, kaedah kadar hari (day rate) akan digunakan. Pembantu anda telah menyediakan jadual maklumat seperti berikut bagi sebilangan pekerja-

...3/-

pekerja yang telah dipilih untuk pemeriksaan.
(Lihat jadual di muka surat 4)

Dikehendaki:

- (a) Menyediakan satu jadual yang dapat membandingkan gaji kasar bagi setiap pekerja seperti dinyatakan di dalam buku dan gaji kasar yang telah anda kirakan. Markah akan diberikan untuk susunatur kerja.
- (b) Apakah yang boleh menyebabkan masa terbiar berlaku dan bagaimanakah cara untuk mengendalikannya?

(20 markah)

JADUAL

Nama Pekerja	Kaedah Pembayaran Gaji	Jumlah jam	Masa menunggu	Bilangan disediakan	Bilangan standard	Kadar Asas	Gaji kasar seperti dinyatakan di buku
Ahmad	Kerja kepingan lurus	40	5	400		\$18	\$ 820
Chin	Kerja kepingan lurus	46	-	455 (a)		\$18	\$ 910
Bala	Rancangan peratus bonus	40	-	250	200	\$22	\$ 1,200
Ali	Rancangan peratus bonus	40	-	180	200	\$19	\$ 670
Chong	Kerja kepingan lurus	44	4	420 (b)	-	\$18	\$ 840
Silva	Rancangan peratus bonus	40		230	200	\$17	\$ 790

(a) Termasuk 45 kepingan yang disediakan di dalam 6 jam lebih masa.

(b) Termasuk 50 kepingan yang disediakan di dalam 4 jam lebih masa. Jam lebih masa itu adalah disebabkan oleh 'masa menunggu' dan ianya perlu untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Soalan 3

Syarikat Samsonite mempunyai 4 jabatan iaitu Jabatan A, B, Q dan R. Jabatan A menggunakan banyak mesin dan hanya 1 jenis buruh sahaja, sementara Jabatan B menggunakan beberapa jenis buruh pada kadar sejam yang berlainan. Belanjawan bagi 1985 bagi Syarikat tersebut adalah seperti di bawah:

1. Unit-unit dikeluarkan					40,000
2. Bahan langsung:					
Jabatan A: 18,000 kilos				\$ 18,000	
Jabatan B: 15,000 kilos				\$ 15,000	
3. Buruh langsung:					
Jabatan A: 10,000 jam buruh				\$ 18,000	
Jabatan B: 8,000 jam buruh				\$ 14,000	
4. Belanja, buruh dan bahan tak langsung:					
Bahan tak langsung				\$ 5,000	
Elektrik				\$ 6,000	
Susutnilai mesin				\$ 3,000	
Insuran bangunan kilang				\$ 2,700	
Buruh tak langsung:					
<u>Jabatan Pengeluaran:</u>					
Jabatan A:				\$ 2,000	
Jabatan B:				\$ 1,500	
<u>Jabatan Servis:</u>					
Jabatan A:				\$ 800	
Jabatan B:				\$ 700	
5.					
		<u>Q</u>	<u>R</u>	<u>A</u>	<u>B</u>
Kos mesin	\$4,000	\$6,000	\$30,000	\$40,000	
Kawasan (Dalam meter persegi)	200	150	450	500	
Jam mesin	800	600	12,000	10,000	
					...6/-

6. Overhed jabatan-jabatan servis diperuntukan kepada jabatan-jabatan lain seperti berikut:

	<u>Q</u>	<u>R</u>	<u>A</u>	<u>B</u>
Q	-	8%	40%	52%
R	20%	-	30%	50%

Pada 14hb Februari 1986, terdapat satu pesanan sebanyak 1,500 unit bagi pengeluaran syarikat. Jualan berdasarkan keuntungan sebanyak 20% atas harga jualan.

Dikehendaki:

- (1) Kertas menganalisa overhed yang menunjukkan asas kadar serapan yang sesuai dan gunakan kaedah langsung di dalam pembahagian 'secondary'. Sebab-sebab memilih asas kadar serapan mestilah dinyatakan.
- (2) Kirakan harga jualan ke atas pesanan yang diterima pada 14hb Februari.
- (3) Apakah dia asas-asas yang boleh digunakan bagi menentukan kadar serapan dan senarai-kan keadaan-keadaan yang sesuai bagi penggunaan 2 dari asas tersebut.

(22 markah)

Soalan 4

Syarikat Senibena akan membina sebuah gudang untuk Boon Siew Bhd. Butir-butir kontrak di antara dua pihak adalah seperti di muka surat 7.

...7/-

1. Harga kontrak \$250,000
2. Pembinaan dimulakan pada lhb Julai, 1985 dan disiapkan pada 31hb Oktober 1986.
3. Wang dipegang adalah 8% atas amaun bil dicajkan oleh kontraktor
4. Pembayaran berasaskan pada peratus penyediaan. Tempoh perakaunan bagi Syarikat Senibena berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun. Data operasi disepanjang 6 bulan berakhir pada 31hb Disember, 1985 adalah seperti di bawah:
 1. Belian bahan (sebanyak \$2,000 daripadanya tidak digunakan pada akhir tahun) \$ 40,000
 2. Buruh (5,000 jam) \$ 15,000
 3. Overhed kerja diserap berasaskan pada jam buruh langsung. Jumlah overhed dibelanjawankan untuk kerja ialah \$24,000 bagi jam buruh langsung yang dibelanjawankan sebanyak 15,000 jam.
 4. Overhed pentadbiran dan overhed lain ialah 5% dan 2% masing-masing atas jumlah bahan, buruh dan overhed kerja.
 5. Nilai kerja disahkan pada 31hb Disember, 1985 \$ 75,000
 6. Kos kerja belum disahkan pada 31hb Disember, 1985 \$ 1,000

Adalah dijangkakan bahawa mulai dari lhb Januari, 1986 kos-kos di bawah diperlukan untuk menyiapkan gudang itu:

1. Bahan \$80,000
 2. Buruh \$30,000
 3. Overhed kerja \$32,590
- ...8/-

4. Overhed pentadbiran	\$7,130
5. Overhed lain	\$2,870
6. Bahan di bawa dari tahun 1985.	

Dikehendaki:

Akaun-akaun lejar bagi:

- (a) Akaun Siberkontrak (contractee) pada 31hb Disember, 1985.
- (b) Akaun kontrak untuk 6 bulan berakhir pada 31hb Disember, 1985.
- (c) Kerja dalam proses pada 31hb Disember, 1985. Tunjukkan kiraan sahaja.

(20 markah)

Soalan 5

Hanafiah Berhad menggunakan sistem pengekosan pesanan kerja (job order). Pada awal bulan Januari 1987, Syarikat mempunyai baki-baki dilejar seperti berikut:

Akaun Bahan Mentah (Stores account)	\$11,000
Akaun kerja dalam proses (Work-In program account)	\$19,032

...9/-

Penyata kos kerja adalah seperti berikut:

	<u>Kerja HA</u>	<u>Kerja HB</u>	<u>Jumlah</u>
Bahan mentah	\$6,816	\$3,240	\$10,056
Buruh langsung	3,435	645	4,080
Ovehed pengilangan	4,122	774	4,896
	<u>\$14,373</u> =====	<u>\$4,659</u> =====	<u>\$19,032</u> =====

Urusniaga untuk bulan Januari adalah seperti berikut:

1. Belian bahan mentah \$22,000
2. Pulangan bahan mentah kepada pembekal \$ 2,000
3. Pengeluaran bahan mentah kepada kerja:

Kerja HA	\$7,000	
Kerja HB	\$2,000	
Kerja HC	\$5,000	
Kerja HD	\$8,000	
	<u>\$22,000</u> =====	
4. Pengeluaran bahan tak langsung ke kilang \$ 500
5. Pulangan bahan mentah ke bilik bahan mentah \$ 500
6. Pembayaran gaji \$55,000

...10/-

7. Analisa gaji:

Buruh langsung:	<u>\$</u>	<u>Jam</u>
Kerja HA	6,000	6,000
Kerja HB	4,000	4,000
Kerja HC	12,000	12,000
Kerja HD	14,000	14,000
	<u>36,000</u>	
Dikira sebagai tak langsung	4,000 =====	
	40,000	
Buruh tak langsung	<u>15,000</u>	
	55,000	

8. Ovehed pengilangan \$35,000
9. Kadar serapan ovehed pengilangan ialah \$1.50 sejam buruh langsung.
10. Laporan menunjukkan kerja HA dan HB telah siap dibuat dan kerja HC dan HD masih di dalam proses.
11. Kesemua barangan yang siap dijual dengan harga \$86,000 iaitu barangan kerja HA \$56,000 dan HB \$30,000
12. Kos tambahan adalah seperti berikut:
- | | |
|------------------------------|----------|
| Ovehed pentadbiran | \$10,000 |
| Ovehed jualan dan pengagihan | \$ 5,000 |

...11/-

Dikehendaki:

1. Sediakan akaun untung dan rugi bagi Hanafiah Bhd untuk bulan Januari 1987.
2. Tunjukkan akaun kawalan bagi yang berikut:
 - Bahan mentah
 - Gaji
 - Kerja dalam proses
 - Ovehed pengilangan
 - Barangan siapdan akaun subsidiari bagi kerja HA, HB, HC dan HD. Akaun-akaun hendaklah ditutupkan.

(19 markah)

-ooo000ooo-

